

Centre Number	Candidate Number	Name
---------------	------------------	------

UNIVERSITY OF CAMBRIDGE INTERNATIONAL EXAMINATIONS
International General Certificate of Secondary Education

MALAY

0546/02

Paper 2 Reading and Directed Writing

May/June 2006

1 hour 30 minutes

Candidates answer on the Question Paper
No Additional Materials are required.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your Centre number, candidate number and name on all the work you hand in.

Write in dark blue or black pen.

Do not use staples, paper clips, highlighters, glue or correction fluid.

Answer **all** questions in **Section 1** and **Section 2**.

You may also attempt **Section 3**.


At the end of the examination, fasten all your work securely together.

The number of marks is given in brackets [] at the end of each question or part question.

For Examiner's Use	
Section 1	
Section 2	
Sub-Total	
Section 3	
Total	

Bahagian 1**Latihan 1 Soalan 1-5**

- 1 Musim cuti akan tiba. Iklan ini muncul dalam sebuah majalah. Iklan ini untuk apa?



- | | | |
|----------|----------------------|--------------|
| A | <input type="text"/> | penerbangan |
| B | <input type="text"/> | pelayaran |
| C | <input type="text"/> | permainan |
| D | <input type="text"/> | pertandingan |

[1]


- 2 Anda mahu makan makanan yang pedas. Anda memilih untuk makan...

- | | | |
|----------|----------------------|----------|
| A | <input type="text"/> | ais krim |
| B | <input type="text"/> | susu |
| C | <input type="text"/> | kari |
| D | <input type="text"/> | pisang |

[1]

- 3 Ali seorang pelajar yang tidak sihat. Dia perlu pergi ke klinik untuk...


A	
---	--




B	
---	--



C	
---	--



D	
---	--




[1]


- 4 Anda membaca nota ini:

Jumpa saya di medan bulu tangkis pada jam 3 petang


A	
---	--




B	
---	--



C	
---	--



D	
---	--



[1]

- 5 Anak-anak yang tidak mempunyai ibu atau bapa dipanggil...

A	
---	--

anak emas.

B	
---	--

anak angkat.

C	
---	--

anak tiri.

D	
---	--

anak yatim.

[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 2 Soalan 6-10

Para pelajar sebuah sekolah ditanya mengenai kegiatan kegemaran waktu lapang mereka. Berikut ialah jawapan mereka.

Mary: Saya suka bersiar-siar di taman dan gemar mengambil gambar kupu-kupu.

Sarah: Dari kecil lagi saya suka berlakon dan menyanyi. Saya mengikuti kursus lakonan dan nyanyian setiap minggu.

Malika: Saya dan keluarga saya suka main catur dan juga berkhemah di tepi pantai.


Taufiq: Bapa saya mengajar saya tentang pentingnya membaca. Saya suka membaca apa saja dalam masa lapang saya dan menjadi ahli perpustakaan di bandar kami.

James: Setiap hujung minggu saya pergi memancing bersama keluarga saya.

Maniam: Kami berkhemah di tepi pantai pada hujung bulan.

Padankan nama pelajar dengan gambar yang betul.


6



.....

[1]


7



.....

[1]


8



.....

[1]

9



.....

[1]

10



.....

[1]

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 3 Soalan 11-15

Baca catatan harian Salleh Hassan, pelajar di Sekolah Menengah Raja Muda, mengenai aktivitinya setiap hari. Jawab soalan-soalan berikutnya dengan memangkah betul atau salah.

Isnin Nov. 8: Jam sepuluh pagi. Mesti temubual Presiden Kelab Fotografi untuk majalah sekolah. Janji untuk bertemu di kantin sekolah. Ravi Chandran ialah Presiden baru untuk kelab ini. Antara soalan yang mesti ditanya ialah “Apakah cadangannya untuk masa depan kelab ini?”

Ravi terlambat sedikit sebab dia ada kerja tambahan.

Selasa Nov. 9: Ikut rombongan sekolah ke Dewan Perhimpunan Kuala Langat untuk pertandingan tenis antara sekolah. Lima orang kawan menyertai pertandingan ini. Dua menang dan yang lain kalah di peringkat akhir. Berita penting untuk majalah.

Rabu Nov. 10: Guru Besar memanggil semua presiden kesatuan untuk mesyuarat bulanan untuk mengetahui rancangan setiap kesatuan untuk sepanjang tahun. Mesti sediakan senarai cadangan untuk tahun ini. Mesyuarat selepas sekolah di Bilik 4E selama satu jam lima belas minit. Semua presiden kesatuan hadir.

Khamis Nov 11: Banyak kerja rumah yang belum selesai, seperti kerja rumah untuk mata pelajaran Sejarah dan Ekonomi. Mesti batalkan perjumpaan dengan Ahmad untuk membincangkan rancangan jawatankuasa majalah sekolah untuk tahun ini. Kerja sekolah lebih penting dan perlu diberi kepada guru pada hari Jumaat. Tidur lewat.

Jumaat Nov 12: Bangun agak lewat dan terlepas bas pertama ke sekolah. Tidak sempat makan sarapan. Nasib baik loceng belum berbunyi dan guru Sejarah juga lambat sedikit. Kerja rumah diserahkan kepada guru. Nasib baik semua lengkap. Dalam kelas sentiasa mengantuk dan tidak sabar untuk pulang ke rumah untuk tidur dan berehat.

Tandakan betul atau salah.



Betul Salah

- | | | | | |
|----|--|--------------------------|--------------------------|-----|
| 11 | Salleh tiba lambat untuk bertemu Ravi. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | [1] |
| 12 | Salleh ikuti rombongan untuk pertandingan tenis. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | [1] |
| 13 | Pada 11 November, Salleh terpaksa membatalkan perjumpaan dengan Ahmad. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | [1] |
| 14 | Pada hari Jumaat, Salleh berasa segar. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | [1] |
| 15 | Presiden Kesatuan berjumpha seminggu sekali. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | [1] |

[Jumlah: 5 markah]

Latihan 4 Soalan 16

- 16 Saroja telah dijemput untuk pergi ke sebuah majlis Hari Ulang Tahun kawannya, Faridah. Beserta dengan kad jemputan ialah sekeping kertas yang menunjukkan peta ke rumahnya. Terangkan perjalanan ke rumahnya, apakah yang Saroja nampak dalam perjalanan ke sana.



[Jumlah: 5 markah]

Bahagian 2**Latihan 1 Soalan 17-23**

Baca surat berikut dan jawab soalan-soalannya:

Sahabatku Kamal,

Saya harap Kamal serta keluarga di Tokyo dalam keadaan sihat. Tujuan saya menulis surat ini ialah untuk memperingatkan Kamal tentang rancangan percutian kita dalam masa enam bulan lagi. Dan juga saya ingin memberitahu tentang beberapa perubahan dalam rancangan kita dan harap Kamal bersetuju.

Kita telah berancang untuk bertemu di Pulau Langkawi pada 6 Disember. Tempat penginapan yang kita tempah sudahpun menghantar pengesahan untuk empat malam. Harap Kamal setuju bahawa kita tinggal di Langkawi selama empat hari sahaja. Mereka telah menghantar risalah mengenai tempat-tempat menarik untuk dilawati.

Satu perubahan dalam rancangan kita ialah, beberapa orang sepupu saya juga akan ikut bercuti bersama kita. Saya harap Kamal akan berkenalan dengan mereka. Mereka sama umur dengan kita dan juga mempunyai hobi dan kegemaran yang sama. Saya rasa Kamal akan seronok bertemu dengan mereka. Mereka akan hanya datang ke Langkawi pada 6 Disember selama dua hari sahaja.

Dari Langkawi kita bercadang untuk pergi ke Pulau Pinang, bukan? Ibu saudara saya tinggal di Pulau Pinang dan dia suruh kita tinggal bersamanya sepanjang percutian kita. Dia mempunyai sebuah rumah yang besar dan banyak bilik kosong. Rumahnya juga berhampiran dengan pantai. Apa pendapat Kamal?

Saya tahu bahawa Kamal tentu rindukan kampung halaman dan juga makanan tempatan sebab Kamal sudah lama tidak pulang ke Malaysia. Saya akan membawa Kamal ke gerai-gerai kegemaran kami di sini. Kamal pulang pada masa musim buah-buahan. Tentulah banyak buah-buahan yang sudah lama Kamal tidak makan. Kita boleh pergi ke dusun ibu saudara saya di Pulau Pinang. Kita boleh makan sebanyak mana yang kita mahu.

Saya harap Kamal sudah bersiap sedia untuk percutian ini. Oh, ya... jangan lupa belikan saya kimono untuk ibu saya dan bawa beg besar untuk membawa pulang barang-barang yang Kamal beli dari sini.

Sila jawab secepat mungkin.

Sahabatmu,

Shamsul

17 Apakah tujuan Shamsul menulis surat kepada Kamal?

18 Apakah yang diberitahu oleh tempat penginapan di Langkawi kepada Shamsul?

[1]

19 Perubahan apakah yang terdapat dalam rancangan percutian Kamal dan Shamsul?

[1]

20 Mengapakah Shamsul rasa Kamal akan seronok bertemu dengan sepupu-sepupunya?

(i) [1]

(ii) [1]

21 Apakah yang diberitahu oleh Shamsul mengenai rumah ibu saudaranya?

(i) [1]

(ii) [1]

22 Kamal akan pulang pada musim apa?

[1]

23 Apakah pesanan Shamsul kepada Kamal sebelum mengakhiri suratnya?

(i) [1]

(ii) [1]

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 24

24 Tulis mengenai apa yang anda suka lakukan semasa hujung minggu:

- (i) Di manakah anda lakukan kegiatan ini.
- (ii) Apakah yang anda suka buat.
- (iii) Dengan siapa.
- (iv) Mengapakah anda suka kegiatan ini.

Panjangnya ialah antara 80-100 perkataan.

[Jumlah: 15 markah]

BLANK PAGE

PLEASE TURN OVER FOR SECTION 3

Bahagian 3**Latihan 1 Soalan 25-29**

Baca keratan berita ini dan pilih jawapan yang betul:

KUALA LIPIS (Ahad): Tiga pelajar Sekolah Menengah Tanjung Ipoh telah dipilih untuk menyertai Pertandingan Kuiz Antarabangsa di London pada bulan Jun. Rosna Hassan, 16, Tan Mei Siew, 15 dan Sarojini Gopal, 16, akan mewakili Malaysia di pertandingan yang akan melibatkan kira-kira 20 sekolah dari seluruh dunia. Mereka akan ditemani oleh dua orang guru.

"Saya harap mereka akan membawa balik Piala Johan Kuiz Antarabangsa dan membuktikan bahawa Malaysia dan rakyat Malaysia boleh bersaing di arena antarabangsa," kata Guru Besar, Encik Atan Awang dengan bangganya.

"Saya tidak sangka kami berjaya hingga ke peringkat ini. Tak sia-sia kami belajar bersama sebelum setiap pertandingan di peringkat sekolah dan negeri," kata Rosna, anak tunggal Encik Hassan Majid dan Puan Rahmah Osman.

"Saya memang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran di London, dan ini merupakan peluang yang baik untuk melihat keadaan di sana," kata Tan yang bercita-cita untuk menjadi seorang peguam, seperti ibunya.

"Keluarga saya memang menggalakkan saya untuk mencapai kejayaan dalam apa saja yang saya buat. Saya amat berterima kasih kepada mereka kerana dorongan yang mereka beri. Ibu saya sentiasa membeli buku dan majalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan saya," kata Sarojini, anak bongsu Encik Gopal dan isterinya Dewi.

Menurut Guru Besar, Encik Atan, ketiga-tiga orang pelajar pintar ini akan melawat tempat-tempat di UK selama dua minggu. Selain daripada menyertai pertandingan itu, mereka akan membuat beberapa lawatan sambil belajar dan menjadi tetamu khas Kesatuan Pelajar-pelajar Malaysia di UK di beberapa buah bandar.

Pangkah jawapan yang betul.

25 Pertandingan yang akan disertai oleh ketiga-tiga pelajar itu ialah di peringkat...

A negeri.

B negara.

C antarabangsa.

D sekolah.

[2]

26 Mereka akan ditemani oleh...

- A ibu bapa mereka.
- B guru-guru mereka.
- C guru besar mereka.
- D kawan-kawan mereka.

[2]

27 Bagi Tan, pergi ke London memberinya peluang untuk...

- A menjadi peguam.
- B melihat ibunya.
- C melanjutkan pelajaran di London.
- D melihat keadaan di London.

[2]

28 Ibu Sarojini menggalakkannya mendapat ilmu pengetahuan dengan cara...

- A membeli bahan-bahan bacaan untuknya.
- B memujuknya untuk menyertai pertandingan.
- C menghalangnya daripada membaca majalah.
- D berterima kasih kepada gurunya.

[2]

29 Selain daripada menyertai pertandingan, ketiga-tiga pelajar ini akan...

- A pulang dengan serta merta.
- B mencari peluang belajar di UK.
- C bersiar-siar di sekitar United Kingdom.
- D disambut sebagai tetamu khas oleh Duta Malaysia di UK.

[2]

[Jumlah: 10 markah]

Latihan 2 Soalan 30-35

Temubual berikut diterbitkan di dalam sebuah majalah remaja. Baca dan jawab soalan seterusnya.

Anisah	Cik Mashitah ialah pengusaha sebuah lelaman radio remaja yang boleh dikatakan satu-satunya perkhidmatan radio lelaman yang pertama di negara ini. Radio "Suara Remaja" kini mula mendapat perhatian ramai remaja bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di luar negara. Apakah yang mendorong Cik Mashitah untuk membuka lelaman ini?
Cik Mashitah	Sebenarnya, saya sekeluarga memang berminat dalam perkembangan lelaman dan juga internet. Kami mempunyai banyak saudara mara di serata dunia dan kami berhubung melalui internet. Dan ini telah memberi saya idea tentang membuka sebuah siaran radio lelaman yang membolehkan remaja berinteraksi antara satu sama lain. Dan semasa sekolah dulu, saya giat dalam Radio Sekolah.
Anisah	Bagaimanakah sambutannya?
Cik Mashitah	Pada mulanya memanglah lembab sedikit oleh kerana tidak siapa yang tahu akan wujudnya lelaman ini. Saya telah menjemput seorang penyanyi terkenal sebagai tetamu khas. Dan pada masa yang sama, saya memberitahu rakan-rakan di media massa untuk mengikuti rancangan ini. Mereka menulis mengenai radio ini dan terus kami mendapat sambutan di kalangan remaja.
Anisah	Apakah antara rancangan yang disiarkan?
Cik Mashitah	Yang paling popular ialah Siaran Keluhan Remaja. Maklumlah, remaja fikir orang dewasa tidak faham masalah mereka dan mereka perlu bercakap dengan orang yang sebaya dengan mereka yang memahami jiwa mereka. Kami juga mempunyai anggota-anggota di serata dunia. Jadi mereka akan hantar cebisan-cebisan berita dari tempat mereka berada mengenai apa saja yang akan menarik minat remaja. Misalnya, tren terbaru di tempat mereka berada, gaya fesyen terbaru dan sebagainya. Kami juga mempunyai rancangan yang penuh maklumat berguna, seperti peluang pendidikan di universiti-universiti terkenal. Apakah kursus yang ditawarkan dan di mana, dan apakah kelayakan yang diperlukan.
Anisah	Tahniah saya ucapan dan terima kasih kerana meluangkan masa untuk temuramah ini.

30 Apakah yang membolehkan Cik Mashitah memulakan Siaran Radio lelaman?

- (i) [1]
(ii) [1]

31 Apakah tujuan Suara Remaja ini?

..... [1]

32 Pada mulanya, apakah yang menarik banyak peminat untuk radio lelaman ini?

- (i) [1]
(ii) [1]

33 Mengapakah Siaran Keluhan Remaja popular?

- (i) [1]
(ii) [1]

34 Dari manakah Cik Mashitah mendapat cebisan-cebisan berita?

..... [1]

35 Bagaimanakah siaran pendidikan berguna untuk para pendengar radio ini?

- (i) [1]
(ii) [1]

[Jumlah: 10 markah]

BLANK PAGE